



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

## **HMT314 - PRAGMATIK**

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

### **TAJUK :**

BINCANGKAN CIRI PENTING IMPLIKATUR PERBUALAN.  
BINCANGKAN DENGAN MENGGUNAKAN ILUSTRASI.

### **NAMA AHLI:**

AHMAD AMZAIR BIN MOHD ROKI	136328
AINA FATIHAH BINTI GHAZALI	136332
AISAH BINTI EMRAN	136335
FAREEZ AIMAN BIN NOR AZMI	136356
IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361

### **NAMA PENSYARAH:**

DR. JONG HUI YING

### **TARIKH PENGHANTARAN:**

29 MEI 2020


## 1.0 PENGENALAN

Setiap hari manusia menggunakan pertuturan untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Komunikasi merupakan medium yang digunakan oleh manusia untuk menghantar dan menerima mesej. Komunikasi akan menjadi lebih berkesan apabila kelancaran interaksi antara penutur dan pendengar berlaku dari segi penggunaan bahasa yang pelbagai dan menggunakan kaedah komunikasi yang tepat. Pertuturan menurut Rustano (1999) merupakan salah satu bentuk aktiviti kerjasama yang berupa interaksi komunikatif. Tambahan lagi, pertuturan ini merupakan interaksi yang teratur melibatkan dua pihak atau lebih demi mencapai tujuan tertentu. Dalam melakukan pertuturan, maksud dan makna yang diucapkan mempunyai makna langsung dan tidak langsung. Seorang penutur yang berbicara haruslah memenuhi peraturan dalam perbualan agar maksudnya mudah difahami oleh pendengar. Namun begitu, ada sesetengah penutur dengan sengaja atau tidak sengaja melanggar peraturan ini menyebabkan timbulnya sesuatu yang tersirat dalam penggunaan bahasa (Mey, 1994).

Masyarakat melayu terkenal dengan sifat lemah lembut dan bersopan santun. Salah satu daripada ciri tersebut terletak pada cara mereka berbahasa. Ini dapat dilihat apabila mesej dalam perbualan atau penulisan disampaikan secara tidak langsung atau terselindung. Sikap tidak berterus-terang dan berselindung ini diasuh sejak dari kecil lagi sebagai salah satu cara berlaku sopan, sama ada kepada diri sendiri mahupun terhadap orang lain semasa berkomunikasi lebih-lebih lagi apabila mereka ingin menyindir, menasihati, memberi kritikan atau sebagainya. Mesej terselindung, mesej tak langsung, mesej tidak harfiah, mesej tersirat, cakap berlapik, cakap berkias merupakan antara beberapa ungkapan yang merujuk kepada mesej perbualan yang disampaikan secara tidak langsung (Fatimah Binti Subet, 1999).

Dalam memahami dengan lebih lanjut tentang makna tersirat atau sesuatu yang dimaksudkan dalam sesebuah pertuturan, teori implikatur sangat diperlukan. Implikatur merupakan sebahagian daripada bidang pragmatik dan mengambil kira hubungan dengan budaya dan masyarakat. Implikatur terbahagi kepada dua iaitu implikatur konvensional dan implikatur perbualan. Dalam penulisan ini, penulis akan memfokuskan kepada implikatur perbualan. Konsep implikatur perbualan telah dikemukakan oleh seorang ahli falsafah iaitu Paul Grice dalam makalahnya bertajuk *'Logic and Conversation'* pada tahun 1975. Paul Grice menyatakan bahawa implikatur ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat (Raja Shaharudin & Zaitul Azma, 2015). Implikatur perbualan dianggap sebagai satu kenyataan yang harus dititikberatkan oleh pendengar mengenai sesuatu yang ingin disampaikan oleh seorang penutur secara tersirat untuk pendengar membuat andaian. Grice juga menyatakan bahawa implikatur bukan merupakan inferens kepada semantik tetapi berlandaskan kepada dua kandungan dalam ujaran yang disampaikan iaitu apa yang diperkatakan (peringkat semantik) dan beberapa andaian khusus tentang sifat semula jadi prinsip perbualan bagi interaksi dalam komunikasi seharian (peringkat pragmatik). Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa pentafsiran makna dalam peringkat pragmatik merupakan pentafsiran lanjutan kepada pentafsiran makna dalam peringkat semantik. Dalam peringkat semantik, makna dalam sesuatu ujaran akan ditentukan berlandaskan makna perkataan dan pengenalanpastian bentuk hubungan struktur antara perkataan yang membentuk ayat sahaja. Manakala dalam peringkat pragmatik pula, makna dalam sesuatu ujaran akan ditafsirkan melalui penglibatan aspek bukan linguistik yang merangkumi faktor keperihalan keadaan penggunaan, iaitu pengguna yang terlibat. Walau bagaimanapun aspek linguistik tetap diambil kira dalam peringkat pragmatik.

## 2.0 IMPLIKATUR PERBUALAN



**Rajah 1:** Teori Implikatur Perbualan oleh Grice (1957)

Teori implikatur perbualan yang dikemukakan oleh Paul Grice terbahagi kepada dua iaitu prinsip kerjasama dan maksim perbualan seperti berikut:

### 2.1 PRINSIP KERJASAMA

Grice beranggapan bahawa terdapat cara komunikasi yang diterima sebagai perlakuan standard. Perlakuan standard ini merujuk kepada menghasilkan dan mendengar ujaran dengan anggapan bahawa komunikasi tersebut benar melalui pemilikan jumlah maklumat yang tertentu, relevan, dan akan dapat mengungkapkan sesuatu yang dapat difahami (Davies, 2000). Perlakuan ini merujuk kepada kerjasama dalam komunikasi iaitu perbualan yang rasional dan dikawal oleh Prinsip Kerjasama. Menerusi Prinsip Kerjasama ini, Grice telah mengemukakan empat kategori maksim perbualan iaitu maksim kualiti (kebenaran), maksim kuantiti (informatif), maksim hubungan (relevan) dan maksim gaya (kejelasan).

Maksim merupakan suatu set prinsip pertuturan (Jamilah Bebe Mohamed et al. 2017). Set prinsip pertuturan ini penting untuk memastikan interaksi dalam perbualan dapat memenuhi prinsip kerjasama semasa pertuturan sedang berlangsung. Indirawati Zahid (2018) menyatakan bahawa maksim Grice diaplikasikan oleh penutur untuk menjadikan komunikasi lebih berkesan dan mengelakkan berlakunya salah faham dalam pertuturan.

## **2.2 MAKSIM PERBUALAN**

### **a. Maksim kualiti**

Maksim ini menekankan kejujuran penutur semasa memberikan maklumat ujaran kepada pendengar (Wan Azni Wan Mohamad et al. 2019). Yan Huang (2015) menyatakan bahawa maksim kualiti memerlukan penutur untuk memastikan bahawa sumbangannya adalah sumbangan yang benar. Maknanya, penutur mestilah tidak mengatakan sesuatu yang dirasakan tidak benar dan sesuatu yang tidak mempunyai bukti sokongan yang cukup dan kukuh. Menurut Ester Noertjahjo et al. (2017), maksim kualiti merupakan maksim yang terpenting kerana ujaran yang dilakukan dalam setiap maksim perlulah berdasarkan kebenaran. Pernyataan ini disokong oleh pernyataan O'Grady et al. (2016) yang menekankan bahawa pernyataan yang diujarkan dalam perbualan mestilah berasaskan fakta yang betul. Contohnya:

Kota Kinabalu merupakan ibu negeri Sabah.
---

Pernyataan ini adalah betul dan tepat kerana Kota Kinabalu sememangnya merupakan ibu negeri bagi negeri Sabah.

## b. Maksim kuantiti

Menurut Ephratt Michal (2012), '*Quantity refers to the amount of information expected by the speaker*'. Maksudnya, maksim kuantiti merujuk kepada jumlah maklumat yang diharapkan untuk diterima oleh pemeran pertuturan dalam sesebuah perbualan. Maknanya, pemeran perbualan sama ada penutur ataupun pendengar mestilah memberikan maklumat seperti yang diperlukan dan tidak memberikan maklumat yang tidak lengkap (Wan Azni Wan Mohamad et al. 201). Dalam erti kata yang yang lain, maksim ini merujuk kepada maklumat yang diberikan kepada penutur utama hasil tindak balas pendengar (penutur kedua) dalam sesuatu perbualan. Berdasarkan maksim ini, penutur kedua perlulah memastikan maklumat yang disumbangkan adalah mencukupi mengikut keperluan ataupun tujuan perbualan. Selain itu, penutur juga dinasihatkan untuk tidak memberikan maklumat secara berlebihan dan cukuplah sekadar memenuhi maklumat yang diperlukan sahaja (Yan Huang, 2015). Contohnya:

Guru	:	Negeri manakah yang mempunyai kes jangkitan wabak COVID-19 yang tertinggi di Malaysia?
Pelajar	:	Kuala Lumpur, Cikgu.

Pelajar ini dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru dengan tepat sekali. Hal ini demikian kerana, pelajar tersebut hanya menyatakan jawapan yang diperlukan oleh gurunya sahaja tanpa memasukkankan maklumat lain secara berlebihan

### c. Maksim hubungan

R. Kunjana Rahardi (2005) menekankan bahawa setiap pemeran pertuturan mestilah memberikan sumbangan yang relevan tentang sesuatu yang sedang dipertuturkan. Pernyataan ini dapat disokong dengan pernyataan Indirawati Zahid, (2018) yang menyatakan bahawa sesuatu yang diujarkan mestilah relevan dengan perbualan yang sedang berlangsung dan perkara yang diperkatakan mestilah mempunyai kaitan dengan topik yang sedang diperbualkan. Oleh itu, penutur dinasihatkan untuk tidak bercakap mengenai apa-apa yang tidak berkaitan dengan topik perbualan dan memastikan kesemua maklumat yang disampaikan saling berkaitan dengan konteks perbualan. Contohnya:

Ali	:	Wawa, apakah tanda-tanda yang menunjukkan seseorang itu telah dijangkiti penyakit denggi?
Wawa	:	Individu tersebut akan mengalami gejala antaranya demam panas, loya dan muntah-muntah, sakit anggota badan dan ruam.

Jawapan yang diberikan oleh Wawa menunjukkan bahawa jawapan tersebut adalah relevan untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Ali yang bertanyakan tentang tanda-tanda apabila dijangkiti denggi. Lalu, Wawa pun menjawab soalan tersebut dengan menyatakan tanda-tanda yang akan dihadapi oleh pesakit denggi termasuklah demam panas, loya dan muntah-muntah, sakit anggota badan dan ruam.

#### **d. Maksim gaya**

Maksim gaya menekankan kejelasan ujaran dalam sesebuah pertuturan yang dijalankan. Oleh itu, pemeran dalam pertuturan haruslah bertutur secara langsung, jelas dan tidak kabur (R. Kunjana Rahardi, 2005). Pernyataan ini sama seperti yang dinyatakan oleh Yan Huang (2015) iaitu ujaran yang dilakukan mestilah dihindarkan daripada ungkapan yang samar dan taksa. Di samping itu, ujaran yang dilaksanakan juga perlulah singkat iaitu menggunakan pernyataan yang tidak terlalu panjang serta dilakukan dengan bertertib. Maknanya, pernyataan yang diberikan perlulah mengikut susunan secara teratur supaya setiap maklumat yang dinyatakan mempunyai kesinambungan untuk memudahkan kefahaman pendengar dalam sesebuah perbualan. Contohnya:

Semalam Ahmad tergelincir di lantai lalu kepalanya terhantuk pada dinding tandas.
---

Pernyataan ini menunjukkan sebuah kejadian yang telah berlaku yang dinyatakan secara tertib dan jelas daripada awal sehingga akhir. Pada mulanya, Ahmad tergelincir di lantai tandas. Semasa tergelincir, kepalanya pula terhantuk pada dinding tandas.



### 3.0 HUBUNGAN PENUTUR DENGAN MAKSIM PERBUALAN



**Rajah 2:** Hubungan penutur dengan maksim perbualan

Walaupun Grice telah memperkenalkan Prinsip Kerjasama ini, beliau tetap mengakui bahawa akan berlaku juga ketidakpatuhan maksim oleh penutur semasa perbualan sedang berlaku. Ketidakpatuhan ini mencakupi keempat-empat maksim perbualan seperti yang telah diterangkan pada rajah 1. Ketidakpatuhan atau pencabulan maksim ini dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja oleh penutur. Al Saedi (2013) menyatakan bahawa ketidakpatuhan maksim ini berlaku bukan atas sebab-sebab tertentu misalnya sesuatu perkata itu tidak dapat disampaikan secara langsung atau perlu disampaikan dengan cara yang berbeza. Antara sebab tersebut termasuklah ingin menjaga muka, memuaskan hati serta menghiburkan mengelakkan rasa kekecewaan dan memujuk. Sehubungan dengan itu, Grice juga telah menyenaraikan empat jenis ketidakpatuhan pada maksim seperti berikut:

**a. Mematuhi maksim**

Penutur yang mematuhi maksim dalam sesebuah perbualan merupakan penutur yang mematuhi keempat-empat maksim iaitu maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim kerelevanan dan juga maksim kejelasan. Penutur akan selalu berkata jujur (maksim kualiti), infomatif (maksim kuantiti), relevan (hubungan) dan jelas dengan menggunakan ciri-ciri dalam maksim gaya. Penutur yang mematuhi maksim ini secara tidak langsung akan mewujudkan satu perbualan yang jelas dan difahami oleh pendengar. Contohnya:

Amerika Syarikat merupakan negara yang mempunyai kes jangkitan wabak koronavirus yang tertinggi di dunia.
---

Pernyataan ini adalah tepat dan mematuhi maksim (kualiti) kerana menurut statistik jangkitan wabak dunia, Amerika Syarikat telah merekodkan kes jangkitan yang tertinggi iaitu sebanyak 1,745,803 juta kes.

**b. Melanggar maksim**

Pelanggaran maksim berlaku dengan kesedaran dan pengetahuan pendengar. Menurut Wan Azni Wan Mohamad et. al. (2019), pelanggaran maksim merujuk kepada kegagalan penutur untuk mematuhi keempat-empat maksim Grice. Melanggar maksim juga merupakan suatu pelanggaran tatacara perbualan yang berkesan dan mungkin akan menggagalkan matlamat sebenar perbualan yang diujarkan oleh penutur. Hal ini demikian berlaku adalah disebabkan kegagalan untuk bekerjasama antara dua pihak.

Alia	:	Apakah makanan kegemaran awak?
Mila	:	Makanan kegemaran saya adalah nasi lemak. Saya tidak gemar memakan <i>western food</i> kerana tekak saya tekak orang kampung.

Berdasarkan perbualan di atas, ujaran Mila sudah pun melanggar maksim (kuantiti). Hal ini dapat dilihat melalui ujarannya iaitu ‘Saya tidak gemar memakan *western food* kerana tekak saya tekak orang kampung’. Jika jawapan Mila hanya setakat ‘Makanan kegemaran saya adalah nasi lemak’ sahaja sebenarnya sudah cukup untuk menjawab soalan Alia. Tetapi, Mila telah memberi informasi melebihi pertanyaan Alia menyebabkan Mila telah pun melanggar maksim.

### c. Memilih untuk keluar maksim

Pemilihan keluar berlaku apabila penutur memilih untuk keluar daripada maksim dengan menggunakan frasa yang menyingkirkan atau mengurangkan kesan maksim dan memberikan isyarat kepada pendengar. Penggunaan *hedges* dalam perbualan dapat memintasi sesebuah perbualan seperti *As far as I know, I can't say anymore, I'm not sure if this is clear, but...* dan sebagainya. Contohnya:

“Apa yang pasti, penyakit rakan awak ini pasti akan sembuh.” kata doktor kepada Aishah.

Berdasarkan pernyataan di atas, seorang doktor cuba untuk menyembunyikan maklumat pesakit kepada Aishah. Hal ini memungkinkan bahawa doktor tersebut perlu menjaga kerahsiaan maklumat pesakit. Ujaran yang diujarkan oleh doktor

tersebut menunjukkan bahawa ujaran ini tergolong dalam maksim kuantiti yang menyebabkan maklumat hanya disampaikan setakat itu sahaja kepada Aishah. Tindakan yang dibuat oleh doktor tersebut adalah memilih untuk keluar dari maksim (kuantiti).


**d. Sengaja keluar dari maksim**

Sengaja keluar dari maksim berlaku apabila pemeran sememangnya berniat atau sengaja untuk tidak mematuhi keempat-empat maksim perbualan. Keadaan ini dilakukan dengan tujuan tertentu yang akan menyebabkan salah faham berlaku. Dalam hal ini, penutur melakukan perkara ini dan pendengar tidak mengetahuinya. Contohnya:

Pembohongan yang dilakukan oleh penjual kepada pembeli terhadap harga sesuatu barangan.
--

Pembohongan yang dilakukan oleh penjual terhadap pembeli ini secara tidak langsung telah menimbulkan niat yang sengaja untuk keluar dari maksim. Hal ini demikian kerana penjual menjual harga sesuatu barangan dengan harga yang tinggi tanpa pengetahuan pembeli demi mengaut keuntungan.

#### 4.0 CIRI-CIRI IMPLIKATUR PERBUALAN



**Rajah 3:** Ciri-ciri implikatur perbualan

Berdasarkan rajah 3, terdapat beberapa ciri dalam implikatur perbualan yang diterangkan oleh Yan Huang (2015) seperti berikut:

**a. Kebolehbatalan**

Implikatur perbualan boleh terbatal dalam konteks linguistik atau bukan linguistik. Pembatalan ini berlaku apabila implikatur tidak sejajar dengan pemerluan semantik, andaian tentang latar belakang, konteks, dan tujuan utama implikatur.

**i. Pemerluan semantik**

Implikatur perbualan akan hilang apabila berhadapan dengan ketaktekalan pemerluan/ konsekuensi semantik (Yan Huang, 2015).

Contohnya:

*Her sister is often complaining.*

Dalam ayat ini membawa kepada makna implikatur perbualan. Akan tetapi implikatur perbualan akan hilang apabila hadirnya frasa misalnya *indeed/ often/ in fact* dalam frasa. Contohnya *Her sister is often/ in fact/ indeed always, complaining*. Penambahan frasa dalam ayat ini mempunyai pemerluan semantik bahawa adiknya sentiasa merungut. Akibatnya, potensi impikatur perbualan terbatal dengan ketaktekalan pemerluan.

## ii. Tidak selari dengan andaian tentang latar belakang

Apabila sesuatu ayat itu tidak selari dengan andaian latar belakang seperti sejarah atau latar belakang akan menyebabkan kehilangan potensi kebersamaan implikatur perbualan. Contohnya:

*The Americans and the Russians tested an atom bomb in 1962.*

Ayat ini terbatal disebabkan kita sedia maklum bahawa Amerika dan Rusia merupakan musuh dan mereka saling berperang. Oleh hal demikian, secara logiknya mereka tidak akan melakukan pengujian bersama-sama kerana mereka saling bermusuhan. Ayat yang betul ialah *the American and the Russians tested an atom bomb in 1962 together, not one each*.

## iii. Berlawanan dengan apa yang diberitahu oleh konteks ujaran linguistik segera.

Contohnya:

Mery	:	<i>This food is ten euros, and I haven't got any money on me.</i>
Sam	:	<i>Don't worry, I've got ten euros.</i>

Dalam peristiwa ini, tindakan Sam yang mengujarkan dia mempunyai duit yang cukup iaitu telah menyebabkan tidak terhasilnya implikatur perbualan yang biasa. Dalam konteks ini, maklumat yang dinyatakan di sini ialah sama ada Sam mempunyai wang yang mencukupi untuk Mery membeli makanan tersebut atau pun jumlah tepat wang Sam ada.

#### **b. Ketakbolehpisahan**

Semua ungkapan linguistik yang mempunyai kandungan semantik yang sama adalah lebih cenderung mempunyai implikatur perbualan yang sama. Implikatur perbualan yang terikat dengan kandungan semantik ujaran bukannya pada bentuk linguistiknya. Oleh itu, implikatur perbualan tidak dapat dipisahkan daripada sesuatu ujaran hanya dengan menggantikan ungkapan linguistik yang relevan dengan sinonim bersesuaian. Contohnya:

<i>The song almost/ nearly won/ came close to winning a Grammy Award.</i>
---

Ini bermaknalagu tersebut tidak layak lagi untuk memenangi *Grammy Award*. Apabila menggunakan ungkapan linguistik yang sinonim dengan *almost* akan mencetuskan implikatur perbualan yang sama.

**c. Kebolehkiraan**

Implikatur perbualan secara telusnya boleh diperoleh melalui prinsip kerjasama dan komponen maksimnya iaitu maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim hubungan dan maksim gaya.

**d. Bukan konvensional**

Walaupun implikatur perbualan bergantung pada apa yang telah dikod, adalah bersifat tidak dikodkan. Ia bergantung pada apa yang diperkatakan tetapi bukannya sebahagian apa yang diperkatakan. Implikatur perbualan ini dikaitkan dengan penutur atau ujaran tetapi bukan dengan proposisi atau ayat.

**e. Kebolehuasaan**

Implikatur perbualan boleh dijadikan eksplisit tanpa menghasilkan terlalu banyak kelewahan. Hal ini disebabkan implikatur perbualan bukan sebahagian daripada kepentingan konvensional dalam sesuatu ujaran. Contohnya dalam ayat:

*The food is warm.*

*The food is warm* membawa maksud yang iaitu makanan tersebut tidak panas. Apabila ayat ini diubah menjadi *The food is warm, but not hot*, ayat ini juga tetap membawa maksud yang sama iaitu makanan tidak panas. Ayat tersebut merupakan ayat eksplisit dan terdapat lewah iaitu '*but not hot*' tetapi tidak dirasakan lewah secara semantikanya.



**f. Keuniversalan**

Implikatur perbualan cenderung menjadi universal tetapi bukan arbitari.

Misalnya, dalam bahasa Melayu:

Sebahagian ( <i>some</i> ) anak ( <i>people</i> ) muda ( <i>young</i> ) suka ( <i>like</i> ) filem ( <i>film</i> ) aksi ( <i>action</i> ).
---

Berdasarkan ayat dalam bahasa Melayu di atas menegaskan bahawa sesetengah golongan muda menggemari filem aksi, namun secara perbualannya, ini menunjukkan tidak semua golongan muda menggemari filem aksi ini. Hal ini menunjukkan bahawa dalam semua bahasa mempunyai perkataan semua (*all*) dan sesetengah (*some*), penggunaan secara semantik sesetengah (*some*) ini secara universalnya akan membawa kepada implikatur perbualan tidak semua (*not all*).

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, implikatur merupakan aspek yang melihat unsur tersirat dalam perbualan seseorang penutur atau lebih. Implikatur merupakan seni berbahasa yang masih digunakan sehingga ke hari ini. Kebijaksanaan penutur dalam menyampaikan mesej secara tidak langsung menjadikan bahasa yang digunakan memerlukan pendengar melakukan tafsiran yang mendalam untuk mendapatkan mesej sebenar. Kekuatan sesuatu implikatur adalah bergantung kepada sejauh mana maklumat tersirat yang disampaikan oleh penutur mampu digapai oleh pembaca atau pendengar. Oleh itu, bagi memastikan ujaran yang hendak disampaikan kepada pendengar sampai dengan maksud asal, penutur hendaklah mematuhi maksim perbualan yang telah diterangkan di dalam penulisan ini. Sememangnya tidak dapat disangkalkan lagi, penutur pada hari ini sering melanggar maksim perbualan untuk kepentingan masing-masing. Namun matlamat yang penting adalah mesej yang hendak disampaikan menemui sasarannya iaitu pendengar.

## BIBLIOGRAFI

- Al Saedi, H. T. L. (2013). A Pragmatic Study of The Cooperative Principle and Grice's Maxim in Lois Lowry's *The Giver* (Tesis master yang tidak diterbitkan). Southern Illinois University Carbondal.
- Davies, B. (2000). Grice's Cooperative Principle: Getting the Meaning Across. *Leeds Working Paper In Linguistic*, 8, (1-26)
- Emphratt Michal. (2012). We Try Harder - Silence and Grice's Cooperative Principle, Maxims and Implicature. *Language & Communication* 32 (2012), (62-79)
- Ester Noertjahjo, M. Bahri Arifin & Setya Ariani. (2017). Analysis Of Flouting And Violating Towards Maxim Of Quality In My Sister's Keeper Novel. *Jurnal Ilmu Budaya*, 1 (3): (193-206).
- Fatimah Binti Subet. (1999). *Implikatur dalam Pantun Melayu Sarawak, Disertasi Sarjana*. Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya.
- Grice, H.P. (1975). "Logic and Conversation", dlm. Cole, P. (ed) *Syntax and Semantics* Vol. 3, (41 -58).
- Indirawati Zahid. (2018). Analisis Maksim Perbualan Grice dalam Soal Jawab TV3. *Issue in Language Studies*, 7(2): (16-35).
- Jamilah Bebe Mohamad, Noriah Mohamed & Noor Hafida Mohamed. (2017). Tinjauan Terhadap Pencabulan dan Perlanggaran Maksim Oleh Pelajar Cina di dalam proses Pembentangan Kerja Kursus Bahasa Melayu. *Journal of Global Bussiness and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3(7): (178-185).
- Mey, Jacob L. (1994). *Pragmatics: An Introduction*. Oxford UK & Cambridge USA: Blackwell.
- O'Grad y, William., & Archibald, John. (2016). *Contemporary Linguistic Analysis: An Introduction (8<sup>th</sup> Edition)*. Toronto: Pearson.

- R. Kunjana Rahardi. (2005). *Pragmatik: Kesantunan Imperatif Bahasa Indonesia*. Jakarta: Erlangga Group.
- Raja Shahrudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan Implikatur Sebagai Media Untuk Penjelasan Iman. *Jurnal Linguistik Vol. 19 (2) Desember*. 2015 (001-009).
- Rustono. (1999). *Pokok-pokok Pragmatik*. Semarang: CV. Akhbar IKIP Semarang Press
- Wan Azni Wan Mohamad, Nur Faraliana Mohd Yusoff, Nor Hayati Abd Ghani & Fauzilah Md Husain. (2019). Kajian Pelanggaran Prinsip Kerjasama Grice dalam Rancangan Muzikal Lawak Superstar 2019, *Linguistik, Bahasa dan Pendidikan* (pp. 160-166). Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- Yan Huang. (2015). *Pragmatik*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.